



22 Ogos 2022

Anggota Lembaga
Anggota Perwakilan; dan
Wakil Koperasi Anggota

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-37 KOPERASI SHAMELIN BERHAD

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Ke-37 Koperasi Shamelin Berhad akan diadakan seperti ketetapan berikut:

- Tarikh/Masa : **17 September 2022 (Ahad) / 9.30 pagi**
Bersamaan 20 Safar 1444H
- Kaedah : **Atas Talian Zoom Meeting**
- Agenda : Seperti di **Lampiran 1**
- Tempat : **Bilik Mesyuarat Koperasi Shamelin Berhad**
dan kediaman masing-masing
- Pakaian : **Bebas dan sopan**

Agenda mesyuarat adalah seperti di **Lampiran 1**.

Sekian, terima kasih.

Dengan Perintah Lembaga

HAJI ANUAR ZAKI BIN BAKAR
Setiausaha

s.k Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Wilayah Persekutuan


AGENDA

1. Perutusan Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad.
2. Memilih salah seorang daripada para perwakilan yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat.
3. Pengumuman Pengerusi Mesyuarat mengenai jumlah perwakilan yang hadir.
4. Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada **enam (6)** orang perwakilan dan **empat (4)** orang anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-37 Koperasi Shamelin Berhad.
5. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-36 Koperasi Shamelin Berhad bertarikh 19 Disember 2021.
6. Memilih **empat (4)** orang anggota Lembaga menurut undang-undang kecil 38 (1).
7. Menimbang laporan-laporan berikut:
 - i. Laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya;
 - ii. Laporan Jawatankuasa Audit Dalam; dan
 - iii. Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai akaun-akaun teraudit Koperasi Shamelin Berhad & subsidiari-subsidiarinya bagi tahun 2021.
8. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit bagi tahun 2021 Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya berserta dengan laporan Juruaudit Luar, cadangan pembayaran dividen, pengisytiharan syer bonus dan pemberian honorarium kepada Lembaga.
9. Menimbang dan meluluskan Belanjawan Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya bagi tahun 2022 dan 2023.
10. Membentangkan bayaran elaun-elaun berikut:
 - i. Mengekalkan bayaran elaun bulanan kepada Pengerusi, Setiausaha, Bendahari Koperasi Shamelin Berhad dan Pengerusi bagi subsidiari-subsidiari yang aktif;
 - ii. Mengekalkan bayaran elaun kehadiran mesyuarat bagi anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalam serta anggota-anggota yang dilantik sebagai Lembaga Pengarah bagi subsidiari-subsidiari Koperasi Shamelin Berhad; dan
 - iii. Mengekalkan bayaran elaun kehadiran mesyuarat bagi Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Anggota Lembaga dan Perwakilan yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Kecil-Jawatankuasa Kecil.
11. Meluluskan pelantikan suatu panel yang terdiri tidak kurang daripada **dua (2)** firma audit untuk dipilih salah satu daripadanya bagi mengaudit akaun Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya.
12. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya.
13. Menetapkan had maksimum keterhutangan Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya.
14. Mendengar, menimbang atau memutuskan usul-usul bertulis atau urusan lain yang satu notis tidak kurang dari **tujuh (7)** hari telah dikemukakan oleh anggota termasuk perkara-perkara yang mana anggota terkilan dengan keputusan Lembaga.
15. Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi Shamelin Berhad jika ada.
16. Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut kehendak Akta dan Peraturan, jika ada.
17. Ucapan penangguhan Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad.
18. Penangguhan Mesyuarat.

KANDUNGAN

Struktur dan Maklumat Kumpulan SHAMELIN	MUKA SURAT
Struktur Kumpulan SHAMELIN	4
Maklumat Kumpulan SHAMELIN	5
Perutusan Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad	6 - 7
Prestasi Koperasi Shamelin Berhad dan Kumpulan	8 - 10
Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-36	11 - 35
Koperasi Shamelin Berhad	
Laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad	
Anggota Lembaga & Mesyuarat Lembaga	36
Jawatankuasa-jawatankuasa	37
Pelaburan dan Hartanah	38
Anggota	39
Tabung Pendidikan	40
Tabung Kebajikan	41
Skim Khairat Kematian	42
Kursus dan Seminar	43
Carta Organisasi Pengurusan dan Pentadbiran Kumpulan Koperasi Shamelin Berhad	44
Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman	45 - 47
Laporan Akaun Beraudit Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-subsidiarinya bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021	
Koperasi Shamelin Berhad	48 - 88
Gemar Kurnia Sdn. Bhd.	89 - 109
KSB Selenggara Sdn. Bhd.	110 - 134
KSB Hartanah Sdn. Bhd.	135 - 155
Shamelin Bina Sdn. Bhd.	156 - 173
Perbandingan Penyata Belanjawan 2021 dengan Penyata Sebenar 2021 Koperasi Shamelin Berhad	174 - 176
Belanjawan Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari bagi Tahun 2022 dan 2023	
Koperasi Shamelin Berhad	177 - 178
KSB Selenggara Sdn. Bhd.	179
Maklumat bagi Agenda 4, 6,10 hingga 13	180 - 184

STRUKTUR KUMPULAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD



MAKLUMAT KUMPULAN SHAMELIN

KOPERASI SHAMELIN BERHAD		
Lembaga Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan (<i>Pengerusi</i>) Haji Anuar Zaki bin Bakar (<i>Setiausaha</i>) Dato' Haji Hashim bin Ahmad (<i>Bendahari</i>) Haji Md Akib bin Hashim Haji Kamarudin bin Md. Noor Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim Datuk Haji Abu bin Pit Hajah Zainab binti Haji Abu Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan Haji Ismail bin Muda Hajah Jariah binti Hashim Dato' Ir Haji Ismail bin Mat Noor Ketua Pegawai Eksekutif Puan Rohana binti Hassan	Pejabat Berdaftar 38-6-4 Bangunan SHAMELIN Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa 56100 Kuala Lumpur Tel : 03-92852155 Faks : 03-92855606 Bilangan Anggota 20,404 Modal Syer Anggota RM39,766,653	Bank RHB Islamic Bank Berhad Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd Public Islamic Bank Berhad CIMB Islamic Bank Berhad Al Rajhi Bank Berhad Juruaudit Luar Tetuan A. Razak & Co (AF 0842) Peguaam Tetuan Vasdev Bakshani & Associates Tetuan Shahdan Anuar & Jamaludin Tetuan Mansur & Yazrudin Tarikh Penubuhan 13 April 1971
GEMAR KURNIA SDN BHD		
Lembaga Pengarah Haji Md Akib bin Hashim (<i>Pengerusi</i>) Haji Kamarudin bin Md. Noor Pejabat Berdaftar 38-6-5 Bangunan SHAMELIN Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa 56100 Kuala Lumpur	Pengurus Tiada Juruaudit Luar Tetuan A. Razak & Co (AF 0842)	Setiausaha Syarikat Azizam bin Azizan (LS 0009977) Modal Berbayar RM 2.00 Tarikh Penubuhan 5 Januari 2011
KSB SELENGGARA SDN BHD		
Lembaga Pengarah Haji Ismail bin Muda (<i>Pengerusi</i>) Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan Pejabat Berdaftar 38-6-5 Bangunan SHAMELIN Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa 56100 Kuala Lumpur	Pengurus Tiada Juruaudit Luar Tetuan A. Razak & Co. (AF 0842) Peguaam Tetuan Vasdev Bakshani & Associates Bank RHB Islamic Bank Berhad	Setiausaha Syarikat Azizam bin Azizan (LS 0009977) Modal Berbayar RM 10,000.00 Tarikh Penubuhan 29 September 1995
KSB HARTANAH SDN BHD		
Lembaga Pengarah Haji Kamarudin bin Md. Noor (<i>Pengerusi</i>) Haji Ismail bin Muda Pejabat Berdaftar 38-6-5 Bangunan SHAMELIN Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa 56100 Kuala Lumpur	Pengurus Tiada Juruaudit Luar Tetuan A. Razak & Co (AF 0842) Peguaam Tetuan Vasdev Bakshani & Associates Bank RHB Islamic Bank Berhad	Setiausaha Syarikat Azizam bin Azizan (LS 0009977) Modal Berbayar RM 20,002.00 Tarikh Penubuhan 26 November 1973
SHAMELIN BINA SDN BHD		
Lembaga Pengarah Hajah Zainab binti Haji Abu (<i>Pengerusi</i>) Dato' Haji Hashim bin Ahmad Pejabat Berdaftar 38-6-5 Bangunan SHAMELIN Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa 56100 Kuala Lumpur	Pengurus Tiada Juruaudit Luar Tetuan A. Razak & Co (AF 0842) Setiausaha Syarikat Azizam bin Azizan (LS 0009977)	Modal Berbayar RM 1,000,000.00 Bank RHB Islamic Bank Berhad Tarikh Penubuhan 13 Oktober 1995

PERUTUSAN Pengerusi



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Para anggota SHAMELIN yang dihormati sekalian.

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan syukur Alhamdulillah kerana kita semua telah melalui fasa Covid-19 sepanjang tempoh dua tahun yang lalu. Kebanyakan negara telah terjejas akibat penularan virus Covid-19 dan secara tak langsung telah menjejaskan banyak perniagaan di seluruh dunia.

Sepanjang tempoh dua tahun yang lalu, kebanyakan pejabat dan perusahaan tidak dapat beroperasi. Begitu juga dengan Koperasi Shamelin Berhad ("KSB") yang turut terkena tempas akibat daripada penularan virus Covid-19 ini. Projek-projek KSB turut tergendala akibat daripada pelaksanaan perintah kawalan pergerakan dalam negara.

Anggota Lembaga juga tidak dapat dengan kerap mengadakan mesyuarat secara bersemuka bagi berbincang dengan lebih terperinci dan terpaksa mengadakan mesyuarat secara atas talian sepanjang tempoh dua tahun yang lalu.

Akibat daripada fasa perintah kawalan pergerakan yang dilaksanakan telah mengakibatkan kolej-kolej di sekitar Taman Shamelin Perkasa tidak beroperasi secara fizikal dan kesan langsung yang dirasai oleh KSB adalah tiadanya penyewa daripada kalangan pelajar yang menyewa rumah-rumah milik KSB. Pada masa yang sama, banyak perniagaan-perniagaan yang menyewa di unit-unit pejabat dan komersial milik KSB telah turut menutup operasinya dan mengosongkan unit-unit sewaan ini.

Berasaskan perkara-perkara yang telah saya nyatakan di atas, maka hal ini telah mengakibatkan perolehan KSB berkurangan bagi tempoh dua tahun yang lalu.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 KSB telah mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM2,090,409.00 berbanding keuntungan sebanyak RM612,934.00 dalam tahun 2020.

Bagi tahun 2021, Kumpulan Wang Anggota Koperasi menurun kepada RM71.842 juta berbanding RM74.916 juta dalam tahun 2020. Kumpulan wang anggota kumpulan juga menurun dari RM73.123 juta kepada RM69.785 juta.

PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2021

Akaun untung rugi KSB bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 menunjukkan kerugian sebanyak RM2.090 juta walaupun ada pengurangan perbelanjaan daripada RM6.480 juta bagi tahun 2020 kepada RM5.640 juta bagi tahun 2021. Kerugian ini adalah disebabkan tiada perolehan dalam aktiviti pelaburan hartanah bagi projek pembangunan di Kapar, Klang yang dianggarkan diterima pada tahun 2021 sebanyak RM2.00 juta.

Punca utama pendapatan adalah dari penyewaan unit-unit bangunan pejabat, komersial dan kediaman di Taman Shamelin Perkasa serta yuran pengurusan subsidiari berjumlah RM2.900 juta.

Usaha-usaha yang berterusan akan dijalankan oleh KSB bagi menangani prestasi yang merosot ini dengan menggiatkan lagi perniagaan kemudahan kredit serta mempelbagaikan perniagaan yang dapat memberikan keuntungan dengan risiko yang rendah.

ANGGOTA DAN SYER

Bagi tahun 2021, jumlah modal syer anggota yang terkumpul berakhir 31 Disember 2021 daripada seramai 20,404 orang anggota ialah sebanyak RM39.766 juta. Jumlah ini termasuk syer bonus dan akaun simpanan khas anggota.

Pada tahun 2021, jumlah anggota yang telah memohon menarik diri dan meninggal dunia ialah seramai 125 orang yang melibatkan pemulangan jumlah syer sebanyak RM224,936.00.

Dalam tahun 2021, manfaat skim khairat kematian sebanyak RM173,000.00 telah dibayar kepada 88 waris anggota yang telah meninggal dunia dan RM5,000.00 lagi kepada 10 anggota bagi tanggungan iaitu termasuk isteri, suami dan anak-anak yang telah meninggal dunia.

Tahun 2021 juga telah mencatatkan jumlah individu berdaftar yang belum lagi menjelaskan bayaran penuh syer RM100.00 adalah seramai 2008 orang melibatkan sejumlah wang terkumpul sebanyak RM435,515.82.

Untuk Tabung Pendidikan, sejumlah RM17,600.00 telah dibelanjakan untuk sumbangan pendidikan sepanjang tahun 2021. Daripada jumlah ini, sebanyak RM4,000.00 disumbangkan kepada seramai 18 orang anak-anak anggota di bawah kategori hadiah cemerlang akademik yang berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan PT3, SPM, SMA, STPM, STAM, Matrikulasi dan Program Asasi.

Di bawah kategori insentif pelajaran pula, pada tahun 2021 sebanyak RM13,600.00 disumbangkan kepada seramai 30 orang anak-anak anggota yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Manakala bagi Tabung Kebajikan, pada tahun 2021, sejumlah RM3,300.00 telah disumbangkan kepada 9 orang anggota yang ditimpa musibah.

PROSPEK DAN CABARAN

Dalam menongkah arus masa kini serta cabaran masa akan datang sambil melihat kepada keadaan semasa ekonomi dan sosial negara sepanjang 2 tahun kebelakangan ini, kita seharusnya memanjatkan kesyukuran kerana Koperasi Shamelin Berhad masih mampu berdiri teguh.

Dalam menghadapi cabaran dan prospek di masa akan datang, beberapa perancangan telah dibuat dengan mengambil kira pelan jangka masa pendek dan juga panjang.

KSB buat masa ini juga akan berusaha memastikan pembangunan 78 unit rumah teres setingkat di atas tanah rezab Melayu seluas 5.25 ekar di Jalan Mawar, Mukim Kapar, Klang oleh pemaju Khatammi Development Sdn Bhd dapat disiapkan sepenuhnya dalam tahun 2022 ini.

Sehingga kini sebanyak 63 unit atau 81% telah terjual dengan nilai jualan berjumlah RM19.681 juta. Pulangan kepada KSB dari projek ini adalah sebanyak RM4.0 juta.

KSB juga telah memeterai satu usahasama dengan sebuah syarikat, Irama Makmur Development Sdn Bhd bagi membangunkan tanah milik KSB seluas 3.2 ekar di Kulim, Kedah dengan pembinaan 28 unit kedai yang bakal memberi pulangan sebanyak RM4.0 juta dalam tempoh 4 tahun. Projek ini Insya Allah akan dimulakan pada awal tahun 2023.

KSB telah menjadi penyedia perkhidmatan takaful melalui Takaful Ikhlas Sdn Bhd dan Takaful Malaysia Berhad yang menawarkan pelbagai perlindungan takaful antaranya ialah takaful motor, takaful perlindungan peribadi, takaful perniagaan serta takaful hayat.

Perkhidmatan takaful ini adalah sebahagian usaha KSB untuk melibatkan anggota dalam perniagaan yang dijalankan dengan hasrat untuk memberikan pulangan yang baik kepada anggota serta KSB dan seterusnya memperkasakan aktiviti kawasan.

Melalui perniagaan Skim Pembiayaan Peribadi ShamelinCash-i yang telah dilaksanakan bermula pada bulan Mac 2021 pula, KSB yakin perniagaan ini InsyaAllah mampu menjana pendapatan yang berterusan dalam jangka masa panjang apatah lagi KSB telah berjaya memperolehi dana pembiayaan daripada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Coopbank Pertama Malaysia Berhad untuk perniagaan ini.

Selain itu, KSB akan terus mengkaji bidang-bidang perniagaan yang sesuai untuk diterokai samada secara sendiri atau melalui jalinan kerjasama dengan syarikat swasta yang dapat memberikan pulangan yang baik untuk KSB.

Antara bidang yang telah dikenalpasti adalah perniagaan secara atas talian bagi memasarkan produk-produk yang berpotensi dan berdaya saing. Produk-produk ini meliputi produk penjagaan diri, pakaian, makanan atau apa jua produk yang boleh menghasilkan keuntungan untuk KSB.

Pasca pandemik Covid 19, kutipan sewaan bagi unit-unit kediaman telah menunjukkan aliran peningkatan sementelah hampir dua tahun unit-unit kediaman ini tidak mempunyai penyewa. Dengan aliran peningkatan kutipan sewaan ini secara tidak langsung akan meningkatkan lagi sumber pendapatan untuk KSB.

PENUTUP KATA

Anggota Lembaga dan pengurusan KSB merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan Lembaga, pasukan pengurusan dan Jawatankuasa Audit Dalaman atas usaha dan sumbangan yang telah diberikan dengan penuh dedikasi dan komitmen yang berterusan.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada institusi-institusi kewangan, jabatan-jabatan kerajaan, kontraktor-kontraktor, pembekal-pembekal dan individu-individu di atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan selama ini.


Akhir kata dari saya, dalam usaha untuk meneruskan kejayaan KSB, saya amat mengharapkan anggota-anggota dapat sama-sama menyumbang dalam bentuk penglibatan dan sokongan ke atas produk-produk atau perniagaan-perniagaan yang dijalankan KSB selain dari bentuk syer, tenaga dan buah fikiran bagi merealisasikan KSB sebagai sebuah koperasi yang berjaya, disegani dan dihormati bukan sahaja di Malaysia malahan di dunia. Insya Allah.

والسلام




DATUK HAJI MUHAMMAD FEISOL BIN HAJI HASSAN

PRESTASI KOPERASI SHAMELIN BERHAD DARI PERSPEKTIF KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SERTA PENGELUARAN DIVIDEN DAN SYER BONUS DARI TAHUN 2012 HINGGA 2021



UNTUNG SEBELUM CUKAI (RM)



DIVIDEN DAN SYER BONUS (%)

PRESTASI KOPERASI SHAMELIN BERHAD (Dari perspektif lembaran imbalan bagi tahun 2012 hingga tahun 2021)

	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
MODAL SYER ANGGOTA	12,880,984	14,424,764	16,679,442	19,559,500	22,132,002	25,482,110	25,820,438	26,485,268	29,860,106	30,055,081
AKAUN RIZAB MODAL	21,095,274	20,352,821	20,372,727	19,426,400	18,351,560	18,369,688	16,999,069	15,082,392	10,882,591	10,891,901
AKAUN RIZAB PENILAIAN SEMULA	-	-	-	4,263,215	4,263,215	4,263,215	4,263,215	4,263,215	8,491,238	8,491,238
AKAUN SIMPANAN KHAS - DIVIDEN	-	-	-	-	-	-	2,034,789	3,746,176	5,146,503	4,740,515
SYER BONUS	2,407,816	3,191,167	3,129,486	4,001,442	4,947,537	4,836,843	6,137,267	7,918,128	5,065,870	4,971,057
SYER BONUS DITEBUS	59,253	104,048	145,959	170,432	229,774	287,257	304,047	377,693	480,186	527,377
KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER	27,832	399,193	500,000	500,000	501,497	501,261	502,404	502,404	502,414	502,414
MODAL SYER DITEBUS	472,168	100,807	-	-	-	-	-	-	-	-
KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER BONUS	990,355	945,560	903,649	879,176	820,209	782,633	745,899	672,253	589,760	522,569
YURAN ANGGOTA	67,325	89,306	113,025	122,336	143,965	159,212	172,813	177,666	165,277	179,987
LAIN-LAIN KUMPULAN WANG	-	-	231,535	395,570	436,110	1,684,766	1,766,206	1,883,766	1,806,841	964,603
KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) TERKUMPUL	2,757,741	4,036,329	3,586,468	2,544,495	6,231,414	13,864,829	13,548,009	11,594,766	11,944,762	9,995,456
KUMPULAN WANG ANGGOTA-ANGGOTA	40,758,748	43,643,995	45,430,756	51,862,566	58,057,303	70,191,814	72,294,156	72,703,727	74,915,548	71,842,198
KUMPULAN WANG RIZAB BERKANJUN	18,611,698	18,611,698	18,611,698	19,578,174	20,910,854	22,863,977	23,767,443	24,449,667	24,482,576	24,482,576
KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI	20,166	31,530	48,492	161,079	222,113	325,521	150,578	113,704	13,164	13,164
KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI	20,166	31,530	24,246	80,540	111,057	162,760	75,289	56,852	6,582	6,582
TANGGUNGAN BUKAN SEMASA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Terhutang kepada subidiari	-	-	-	-	-	-	9,208	8,930	-	-
Pinjaman bercagar	33,864,156	26,381,578	18,131,321	20,485,435	12,517,847	9,575,844	7,817,918	7,663,686	7,240,986	7,301,329
Pemutangan sewa beli	50,249	91,763	308,657	243,795	180,933	121,425	78,567	35,709	-	-
Keuntungan pembiayaan akan diterima	14,815,440	12,521,932	12,071,757	5,738,499	4,545,077	3,798,566	3,136,459	2,477,968	1,958,007	2,085,174
TANGGUNGAN SEMASA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pinjaman bercagar	7,558,638	5,888,281	7,972,637	4,567,981	2,493,130	2,717,566	2,237,746	637,684	469,591	354,624
Pemutangan perniagaan	139,639	135,469	137,899	1,015,071	1,676,309	878,786	876,826	880,136	975,836	942,025
Pelbagai pemutangan akruan dan pertaruhan	2,209,784	2,315,717	2,182,272	2,586,466	2,978,006	2,792,337	2,724,308	3,019,804	4,801,086	4,542,384
Keuntungan pembiayaan akan diterima	2,011,510	1,700,102	-	-	-	-	-	-	-	-
Pemutangan sewa beli	35,148	55,152	62,862	62,862	62,862	59,508	42,858	42,858	35,724	-
Peruntukan cukai	-	-	-	-	-	-	1,061,810	700,000	100,000	-
Peruntukan dividen	1,464,901	1,656,292	1,951,844	2,253,034	3,702,788	2,797,090	2,851,202	2,830,106	300,084	300,084
LAIN-LAIN PELABURAN	13,419,620	11,751,073	12,307,514	10,485,414	10,913,095	9,245,287	9,794,750	8,110,588	6,682,321	6,139,117
PEMBIAYAAN ANGGOTA	121,560,243	113,065,099	107,163,976	108,635,502	107,458,279	116,285,194	117,124,368	115,620,831	115,309,118	111,870,140
HARTA TETAP	45,468,452	45,206,873	34,385,006	34,979,233	68,364,449	75,298,823	74,667,471	73,633,448	94,366,416	93,133,814
PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT	1,020,004	1,020,004	520,003	20,004	4	4	4	4	4	10,004
PELABURAN DALAM PROJEK	-	-	-	-	4,020,242	516,263	641,797	1,681,323	2,037,413	2,037,413
ASET KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI	4,759,900	8,185,517	15,753,147	3,367,151	1,070,507	5,605,899	6,765,002	4,071,644	2,707,821	1,527,184
LAIN-LAIN PELABURAN	2,555,615	2,257,879	1,894,418	5,079,325	3,949,055	3,727,782	3,209,685	3,210,257	3,210,257	3,210,257
PEMBIAYAAN ANGGOTA	46,529,802	37,932,579	30,473,202	19,329,081	14,592,525	11,933,062	9,677,202	7,647,051	5,985,336	5,885,589
KERJA DALAM PERLAKSANAAN	-	-	6,150,461	27,256,125	3,884,492	3,488,499	11,372,869	17,795,401	-	-
AKAUN CARUMAN KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT	100,333,773	94,602,849	89,176,237	90,198,844	96,078,092	100,793,062	106,590,243	108,299,060	108,573,876	106,070,890
HARTA SEMASA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Inventori	-	-	3,544	205,131	868	-	-	-	106,810	52,800
Terhutang oleh subidiari	1,689,123	1,808,520	1,174,162	414,886	8,248	11,604	36,250	6,262	6,814	29,080
Penghutang Perniagaan	8,069,723	8,216,879	8,382,996	9,876,771	4,002,672	8,078,632	3,260,401	1,238	117,473	-
Pinjaman Anggota	7,480,962	6,098,784	5,557,797	3,107,722	2,779,528	2,272,962	1,843,276	1,456,561	1,140,064	1,121,065
Pelbagai penghutang dan Depositi	2,288,025	755,326	446,467	707,698	671,225	1,199,830	1,162,971	1,272,715	1,363,369	1,543,620
Cukai Prabayar	571,155	179,911	1,360,400	1,181,287	1,500,000	2,200,000	2,489,375	3,181,433	2,707,038	1,571,731
Wang di tangan dan di bank	1,127,482	1,402,830	1,062,373	2,943,163	2,417,646	1,729,104	1,741,852	1,393,542	1,303,674	1,480,954
WANG	21,226,470	18,462,250	17,987,739	18,436,658	11,380,187	15,492,132	10,534,125	7,321,771	6,735,242	5,799,250
KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) bagi tahun	1,951,584	3,190,478	3,294,906	8,256,567	11,068,475	15,619,111	7,494,279	5,640,514	612,934	(2,090,409)
Nilai pegangan syer	1:3.16	1:3.03	1:2.72	1:2.63	1:2.62	1:2.76	1:2.80	1:2.75	1:2.51	1:2.39

PRESTASI KUMPULAN SHAMELIN (Dari perspektif lembaran imbalan bagi tahun 2012 hingga tahun 2021)

	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
MODAL SYER ANGGOTA	12,880,984	14,424,764	16,679,442	19,559,500	22,132,002	25,462,110	25,820,438	26,485,288	29,860,106	30,055,081
DANA AMANAH PEMBELI	68,067	(83,317)	(59,544)	-	-	-	-	-	-	-
AKAUN RIZAB MODAL	21,095,274	20,352,821	20,372,727	19,426,400	18,351,560	18,369,688	16,999,069	15,082,392	10,882,591	10,891,901
AKAUN RIZAB PENILAIAN SEMULA	-	-	-	4,263,215	4,263,215	4,263,215	4,263,215	4,263,215	8,491,238	8,491,238
AKAUN SIMPANAN KHAS - DIVIDEN	-	-	-	-	-	-	2,034,789	3,746,176	5,146,503	4,740,515
SYER BONUS	2,407,816	3,191,167	3,129,486	4,001,442	4,947,537	4,836,843	6,137,267	7,918,128	5,065,870	4,971,057
SYER BONUS DITEBUS	59,253	104,048	145,959	170,432	229,774	267,257	304,047	377,693	460,186	527,377
MODAL SYER DITEBUS	472,168	100,807	-	-	-	-	-	-	-	-
KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER	27,832	399,193	500,000	500,000	501,497	501,261	502,404	502,404	502,414	502,414
KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER BONUS	990,355	945,560	903,649	879,176	820,209	782,633	745,899	672,253	589,760	522,569
YURAN ANGGOTA	67,325	89,306	113,025	122,336	143,985	159,212	172,813	177,666	165,277	179,987
RIZAB ATAS PENYATUAN	-	355,314	355,314	355,314	355,314	355,314	355,314	355,314	355,314	355,314
LAIN-LAIN KUMPULAN WANG	-	-	231,535	511,377	601,752	1,950,239	2,095,206	2,233,653	2,217,431	1,434,451
KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) TERKUMPUL	(5,533,847)	(4,380,667)	(3,789,941)	(674,389)	2,972,355	10,566,069	10,372,358	8,895,567	9,386,740	7,468,783
KUMPULAN WANG ANGGOTA-ANGGOTA	32,535,227	35,498,996	38,581,652	49,114,803	55,319,200	67,513,841	69,802,819	70,709,729	73,123,430	69,785,373
KUMPULAN WANG RIZAB BERKANUN	18,611,698	18,611,698	18,611,698	19,578,174	20,910,854	22,863,977	23,767,443	24,449,667	24,482,576	24,482,576
KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI	20,166	31,530	48,492	161,079	222,113	325,521	150,578	113,704	13,164	13,164
KUMPLAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI	20,166	31,530	24,246	80,540	111,057	162,760	75,289	56,852	6,582	6,582
TANGGUNGAN BUKAN SEMASA										
Pinjaman bercagar	33,864,156	26,381,578	18,131,321	20,485,435	12,517,847	9,575,844	7,817,918	7,663,686	7,240,986	7,301,329
Pemutihan sewa beli	97,597	128,243	335,309	261,579	191,548	121,425	78,567	36,709	-	-
Terhutang kepada syarikat berkaitan	5,687,757	4,831,294	4,831,294	2,841,505	3,247,109	2,090,721	2,066,222	2,102,470	1,996,514	2,309,792
Keuntungan pembiayaan akan diterima	14,815,440	12,521,932	12,071,757	5,738,499	4,545,077	3,798,566	3,136,459	2,477,968	1,958,007	2,085,174
TANGGUNGAN SEMASA										
Pinjaman jangka panjang	7,558,638	5,888,281	7,972,637	4,567,981	2,493,130	2,717,566	2,237,746	637,684	469,591	354,624
Pemutihan perniagaan	1,068,399	1,010,202	1,004,109	1,728,524	2,356,390	1,562,851	1,550,229	1,467,589	1,563,082	1,505,818
Pelbagai pemutihan akruan dan pertaruhan	3,355,588	3,040,922	2,862,578	3,261,594	3,647,019	3,511,307	3,475,403	3,508,042	5,346,679	5,098,166
Pemutihan sewa beli	49,056	69,060	73,730	73,730	70,031	66,424	42,858	42,858	35,724	-
Keuntungan pembiayaan akan diterima	2,011,510	1,700,102	-	-	-	-	-	-	-	-
Peruntukan cukai	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Dividen diadangkan	1,464,901	1,656,292	1,951,833	2,253,034	3,702,788	2,797,090	2,851,202	2,830,106	300,084	300,084
Dividen	15,508,092	13,364,859	13,864,887	11,884,863	12,269,358	10,655,238	11,230,405	9,186,279	7,815,160	7,258,692
Dividen	121,160,299	111,401,660	106,500,667	110,146,477	109,334,163	117,107,893	118,125,700	116,796,064	116,636,419	113,242,682
HARTA TETAP	45,723,452	45,343,675	34,425,127	34,979,526	68,383,342	75,315,750	74,682,475	73,644,218	94,370,402	93,135,703
PELABURAN DALAM PROJEK	-	-	-	-	4,020,242	516,263	641,797	1,681,323	2,037,413	2,037,413
ASET KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI	4,759,900	8,185,517	15,753,147	3,367,151	1,070,507	5,605,899	6,765,002	4,071,644	2,707,821	1,527,184
KERJA DALAM PERLAKSANAAN	-	-	6,150,461	27,256,125	3,884,492	3,488,499	11,372,869	17,795,400	-	-
AKAUN CARUMAN KUMPULAN WANG LIKUIDITI PUSAT	-	-	-	167,925	222,760	222,760	256,213	259,933	266,629	266,629
PEMBIAHYAAN ANGGOTA	46,529,802	37,932,576	30,473,202	19,329,081	14,592,525	11,933,052	9,677,202	7,647,051	5,985,336	5,885,589
MUHAIB ATAS PENYATUAN	677,010	213,188	142,125	71,062	-	-	-	-	-	-
LAIN-LAIN PELABURAN	2,555,615	2,257,879	1,894,418	5,079,325	3,949,056	3,727,762	3,209,685	3,210,257	3,210,257	3,210,257
LAIN-LAIN PELABURAN	100,245,779	93,932,835	88,828,480	90,250,195	96,096,982	100,809,985	106,605,243	108,309,826	108,577,858	106,062,775
HARTA SEMASA	7,480,962	6,098,784	5,557,797	3,107,722	2,779,528	2,272,962	1,843,276	1,456,581	1,140,064	1,121,065
Pinjaman Anggota	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Terhutang oleh syarikat berkaitan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Penghutang perniagaan	8,514,166	8,714,827	8,696,460	10,048,466	4,117,069	8,226,656	3,419,035	149,886	280,662	247,068
Pelbagai penghutang, pertaruhan dan bayaran terdahulu	2,718,302	934,308	764,519	2,026,977	1,923,945	1,279,743	1,348,532	1,465,420	1,621,231	1,621,231
Pertaruhan telap	36,516	37,685	38,891	65,119	118,086	322,893	584,848	739,688	860,048	875,641
Wang di tangan dan di bank	1,507,967	1,499,519	1,239,058	3,261,580	2,794,795	1,994,224	1,942,755	1,602,262	1,480,916	1,658,842
Inventori	64,985	-	3,544	205,131	868	-	-	-	106,810	52,800
Cukai Prabayar	591,612	183,702	1,361,918	1,181,287	1,502,890	2,201,430	2,489,605	3,189,289	2,724,641	1,603,260
Cukai Prabayar	20,914,520	17,468,825	17,662,187	19,896,282	13,237,181	16,297,908	11,520,457	8,486,238	8,056,561	7,179,907
Dividen	121,160,299	111,401,660	106,500,667	110,146,477	109,334,163	117,107,893	118,125,700	116,796,064	116,636,419	113,242,682

MINIT MESYUARAT

**MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-36
KOPERASI SHAMELIN BERHAD
PADA 19 DISEMBER 2021 (AHAD) JAM 9.00 PAGI
MELALUI APLIKASI ZOOM SECARA ATAS TALIAN**

NOMBOR ANGGOTA

Hadir

A. 12 daripada 12 orang Anggota Lembaga

1.	Haji Md Akib bin Hashim (Pengerusi)	19319
2.	Haji Kamarudin bin Md Noor (Setiausaha)	24768
3.	Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim (Bendahari)	10804
4.	Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan	33103
5.	Datuk Haji Abu bin Pit	7430
6.	Hajah Zainab binti Haji Abu	23555
7.	Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan	255
8.	Dato' Haji Hashim bin Ahmad	22031
9.	Haji Ismail bin Muda	22281
10.	Hajah Jariah binti Hashim	25472
11.	Haji Anuar Zaki bin Bakar	19022
12.	Haji Hasan bin Haji Mat	9418

B. 21 daripada 26 orang Koperasi Anggota

(Senarai nama seperti di Lampiran 1)

C. 200 daripada 224 orang Anggota Perwakilan

(Senarai nama seperti di Lampiran 2)

D. 24 Anggota Perwakilan dan 5 Koperasi Anggota yang Tidak Hadir

(Senarai nama seperti di Lampiran 3)

E. Turut Hadir

(Senarai nama seperti di Lampiran 3)

AGENDA 1 : PESANAN Pengerusi KOPERASI SHAMELIN BERHAD

- 1.1 **Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad ("KSB"), Haji Md Akib bin Hashim** mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ("MAPT") Ke-36.
- 1.2 Beliau berharap anggota-anggota KSB dapat bekerjasama untuk terus memaju dan menjayakan KSB.
- 1.3 Beliau berpesan agar semua perwakilan dapat mematuhi etika mesyuarat supaya mesyuarat dapat dijalankan dengan lancar dan sempurna memandangkan ini adalah kali pertama MAPT diadakan secara atas talian.

AGENDA 2 : MEMILIH SALAH SEORANG DARI PARA PERWAKILAN YANG HADIR UNTUK MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT

- 2.1 **Setiausaha KSB, Haji Kamarudin bin Md Noor** menyerahkan kepada para perwakilan untuk memilih Pengerusi Mesyuarat selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil Koperasi Shamelin Berhad (UuK KSB), Uuk 35(1).

Bendahari KSB, Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim mencadangkan Haji Md Akib bin Hashim sebagai Pengerusi Mesyuarat.

Perwakilan Kedah A, Haji Wan Ismail bin Wan Md Isa menyokong ke atas cadangan tersebut.

- 2.2 **Setiausaha KSB** telah mengumumkan **Anggota Lembaga, Haji Md Akib bin Hashim bin Bakar** dipilih sebagai Pengerusi MAPT KSB Ke-36.

AGENDA 3 : PENGUMUMAN PENERUSI MESYUARAT MENGENAI JUMLAH PERWAKILAN YANG HADIR

- 3.1 **Pengerusi Mesyuarat** merakamkan ucapan terima kasih di atas kepercayaan para perwakilan memilih beliau bagi mempengerusikan MAPT KSB Ke-36 dan berharap para perwakilan beretika semasa mesyuarat demi kelancaran perjalanan MAPT pada kali ini.

- 3.2 Seterusnya **Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan jumlah kehadiran perwakilan seramai 233 orang iaitu 89% daripada 262 orang jumlah penuh perwakilan dan jumlah ini melebihi kuorum. Pecahan kehadiran tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Anggota Lembaga seramai 12 daripada 12 orang.
- (ii) Anggota Perwakilan seramai 200 daripada 224 orang.
- (iii) Wakil Koperasi Anggota seramai 21 orang daripada 26 koperasi anggota.

AGENDA 4 : MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD KE-36

- 4.1 **Pengerusi Mesyuarat** memaklumkan bahawa Lembaga telah bersetuju agar Agenda 4 dan Agenda 6 didahulukan dan menyerahkan kepada para perwakilan untuk memutuskan cadangan ini.

- **Perwakilan Kedah A, Haji Wan Ismail bin Wan Md Isa** mencadangkan Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPT KSB Ke-35 dilantik semula.
- **Perwakilan Pahang B, Encik Ab. Ghani bin Mustaffa** menyokong cadangan Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPT KSB Ke-35 dilantik semula.

4.2 **Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan enam (6) perwakilan yang menganggotai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPT KSB Ke-36 seperti berikut :

- (i) **Haji Osman bin Toroh**
(Perwakilan Kedah B)
- (ii) **Encik Roslan bin Saad**
(Perwakilan Kedah C)
- (iii) **Haji Shalihuddin bin Haji Abas**
(Perwakilan Johor A)
- (iv) **Datuk Haji Ali bin Ab Majid**
(Perwakilan Negeri Sembilan)
- (v) **Haji A Ghani bin Mohamad**
(Perwakilan Koperasi Parit Jawa Muar Berhad)
- (vi) **Encik Hashim bin Omar**
(Perwakilan Kedah B)

4.3 Selanjutnya **Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan empat (4) Anggota Lembaga yang menganggotai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPT KSB Ke-36 seperti berikut :

- (i) Haji Md Akib bin Hashim
- (ii) Haji Anuar Zaki bin Bakar
- (iii) Hajah Zainab binti Haji Abu
- (iv) Dato' Haji Hashim bin Ahmad

4.4 **Pengerusi Mesyuarat** memaklumkan bahawa kesemua Ahli Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPT KSB Ke-36 yang dilantik semula pada hari ini hadir.

4.5 **Perwakilan Kelantan C, Datuk Haji Idris bin Muhamood** menyokong Agenda ini diterima.

AGENDA 5 : MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD KE-35 BERTARIKH 30 JUN 2019

5.1 **Setiausaha KSB** membentangkan Minit MAPT KSB Ke-35 sebagaimana yang terdapat dalam pautan muat turun Laporan Tahunan KSB 2019 & 2020 dari muka surat 1 hingga 30 untuk disahkan oleh MAPT KSB Ke-36 ini.

5.2 **Perwakilan Terengganu, Haji Mohamad bin Abd Rahman** mencadangkan Minit MAPT KSB Ke-36 diterima untuk disahkan.

Perwakilan Kedah A, Haji Abidin bin Akil menyokong ke atas cadangan tersebut.

AGENDA 6 : MEMILIH EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA MENURUT UNDANG-UNDANG KECIL 38 (1)

6.1 **Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan nama empat (4) orang Anggota Lembaga berikut menurut UuK 38(1) yang akan mengosongkan jawatan dan layak untuk dipilih semula:

- (i) Haji Kamarudin bin Md Noor
- (ii) Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim
- (iii) Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan
- (iv) Haji Hasan bin Haji Mat

6.2 **Pengerusi Mesyuarat** telah mencadangkan kepada para perwakilan untuk membuat keputusan dalam cara pemilihan Anggota Lembaga secara undian melalui aplikasi "Polling Zoom" seperti berikut :-

- (i) Bersetuju untuk melantik semula Anggota Lembaga sedia ada tanpa perlu bertanding.
- (ii) Bersetuju untuk mengadakan pemilihan Anggota Lembaga yang baru.

6.2.1 Keputusan pengundian melalui aplikasi "Polling Zoom" adalah seperti berikut:-

- 41% perwakilan bersetuju untuk melantik semula Anggota Lembaga sedia ada tanpa bertanding.
- 59% perwakilan bersetuju untuk mengadakan pemilihan Anggota Lembaga yang baru.

6.3 **Pengerusi Mesyuarat** seterusnya mengumumkan sepuluh (10) orang calon yang akan bertanding bagi mengisi empat (4) kekosongan jawatan Anggota Lembaga seperti berikut :

- (i) **Haji Kamarudin bin Md Noor**
(Anggota Lembaga)
- (ii) **Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim**
(Anggota Lembaga)
- (iii) **Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan**
(Anggota Lembaga)
- (iv) **Haji Hasan bin Haji Mat**
(Anggota Lembaga)
- (v) **Encik Roslan bin Saad**
(Perwakilan Kedah C)
- (vi) **Dato' Ir Haji Ismail bin Haji Mat Noor**
(Perwakilan Pahang B)
- (vii) **Prof. Emeritus Dr. Md Nor bin Musa**
(Perwakilan Wilayah Persekutuan)
- (viii) **Haji Zainal bin Othman**
(Perwakilan Kelantan A)
- (ix) **Encik Ahmad Shahidan bin Said**
(Perwakilan Selangor B)
- (x) **Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh**
(Perwakilan Pulau Pinang B)

- 6.4 **Pengerusi Mesyuarat** telah mengumumkan keputusan undian ke atas calon-calon tersebut yang mana telah dikira dan disahkan oleh wakil Juruaudit Luar, Tetuan A. Razak & Co. seperti berikut :

Nama Calon	Jumlah Undi
(i) Haji Kamarudin bin Md Noor	98
(ii) Dato' Ir Haji Ismail bin Haji Mat Noor	93
(iii) Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	83
(iv) Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan	73
(v) Encik Ahmad Shahidan bin Said	70
(vi) Haji Hasan bin Haji Mat	68
(vii) Haji Zainal bin Othman	65
(viii) Prof. Emeritus Dr. Md Nor bin Musa	63
(ix) Encik Roslan bin Saad	55
(x) Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh	54

- 6.5 Dengan keputusan tersebut, **Pengerusi Mesyuarat** telah mengisytiharkan perwakilan yang berjaya dipilih untuk mengisi empat (4) kekosongan jawatan Anggota Lembaga menurut UuK 38(1) seperti berikut:

- (i) Haji Kamarudin bin Md Noor
- (ii) Dato' Ir Haji Ismail bin Haji Mat Noor
- (iii) Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim
- (iv) Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan

AGENDA 7 : MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN BAGI TAHUN 2019 DAN 2020 SEPERTI BERIKUT:

- I. LAPORAN LEMBAGA KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA;**
- II. LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN ("JAD"); DAN**
- III. PANDANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA ("SKM"), MENGENAI AKAUN-AKAUN TERAUDIT KSB & SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA BAGI TAHUN 2019**

- 7.1 **Setiausaha KSB** telah membentangkan Laporan Lembaga KSB dan subsidiari-subsidiarinya sebagaimana yang terdapat dalam pautan muat turun Laporan Tahunan KSB 2019 & 2020, muka surat 3 hingga 18 bagi tahun 2019 dan muka surat 29 hingga 42 bagi tahun 2020.

- 7.2 **Perwakilan Johor A, Haji Shalihuddin bin Haji Abas** mencadangkan Agenda 7 diterima dan disahkan.

Perwakilan Kelantan C, Haji Razali bin Othman menyokong ke atas cadangan tersebut.

AGENDA 8 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT BAGI TAHUN 2019 DAN 2020 KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA BERSERTA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT LUAR, CADANGAN PEMBAYARAN DIVIDEN, PENGISYTIHARAN SYER BONUS DAN PEMBERIAN HONORARIUM KEPADA LEMBAGA

- 8.1 **Bendahari KSB** membentangkan Akaun-akaun Teraudit bagi Tahun 2019 dan 2020 Koperasi Shamelin Berhad serta subsidiari-subsidiarinya berserta dengan Laporan Juruaudit Luar, Cadangan Pembayaran Dividen, Pengisytiharan Syer Bonus dan Pemberian Honorarium kepada Lembaga sebagaimana yang terdapat dalam pautan muat turun Laporan Kewangan dan Belanjawan 2019 & 2020, dari muka surat 3 hingga 178 bagi tahun 2019 dan muka surat 183 hingga 311 bagi tahun 2020 untuk ditimbang dan diluluskan.
- Beliau menyatakan jumlah pendapatan KSB bagi tahun 2019 sebanyak RM14,491,930.00 manakala jumlah pendapatan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM 7,093,799.00.
 - Beliau turut menyatakan jumlah perbelanjaan KSB bagi tahun 2019 sebanyak RM8,851,416.00 manakala bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM6,480,865.00.
 - Beliau juga memaklumkan keuntungan bersih tahun semasa bagi tahun 2019 adalah RM5,640,514.00 manakala keuntungan bersih tahun semasa bagi tahun 2020 sebanyak RM612,934.00.
 - **Bendahari KSB** memaklumkan dividen bagi tahun 2019 adalah sebanyak 10% dan telah mendapat kebenaran SKM dan mengisytiharkan dividen bagi tahun 2020 sebanyak 1%.
 - Beliau juga mengisytiharkan syer bonus bagi tahun 2019 dan 2020 adalah sebanyak 5%.
- 8.2 **Perwakilan Selangor B, Encik Abdullah bin Mohd Salleh** ingin mendapatkan penjelasan berkenaan perancangan Anggota Lembaga untuk tiga (3) tahun akan datang.
- **Bendahari KSB** menjelaskan perancangan masa hadapan untuk memulihkan pendapatan KSB adalah melalui perniagaan pembiayaan kredit serta merancang projek hartanah yang baru dan mendapatkan penyewa baru bagi unit-unit kosong KSB sedia ada.
- 8.3 **Perwakilan Pahang B, Encik Ab. Ghani bin Mustaffa** mencadangkan dividen untuk tahun 2020 dinaikkan kepada 4% bersamaan dengan nilai honorarium kepada Anggota Lembaga.
- Beliau juga mencadangkan agar KSB menceburi perniagaan Ar-Rahnu di samping perniagaan-perniagaan sedia ada.
- 8.4 **Bendahari KSB** menjelaskan keuntungan pada tahun 2020 hanya melayakkan pembayaran dividen sebanyak 1% sahaja.
- **Bendahari KSB** juga selanjutnya menyatakan bahawa cadangan pembabitan dalam perniagaan Ar-Rahnu akan dipertimbangkan oleh Lembaga.

8.5 **Perwakilan Selangor B, Haji Izhar bin Abd Kahar** menyarankan agar KSB mempelbagaikan perniagaan seperti perniagaan agensi umrah dan ziarah serta perniagaan pakaian bagi menjana aliran tunai KSB tanpa mengharapkan pembangunan hartanah sahaja.

8.6 **Perwakilan Kedah B, Haji Azizan bin Shuib** mencadangkan Agenda ini diterima dan diluluskan.

Perwakilan Kedah A, Haji Wan Ismail bin Wan Md Isa menyokong ke atas cadangan tersebut.

AGENDA 9 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA BAGI TAHUN 2019 DAN 2020 SERTA BAGI TAHUN 2021 DAN 2022

9.1 **Bendahari KSB** membentangkan Belanjawan Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya bagi tahun 2019 dan 2020 serta bagi tahun 2021 dan 2022 sebagaimana yang terdapat dalam pautan muat turun Laporan Kewangan & Belanjawan 2019 & 2020; masing-masing dari muka surat 176 hingga 181 dan muka surat 312 hingga 317 untuk ditimbang dan diluluskan.

9.2 **Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar** mencadangkan Agenda ini diterima dan diluluskan.

Anggota Lembaga, Datuk Haji Abu bin Pit menyokong ke atas cadangan tersebut.

AGENDA 10 : MEMBENTANGKAN BAYARAN ELAUN-ELAUN BERIKUT :

- I. MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN BULANAN KEPADA PENERUSI, SETIAUSAHA, BENDAHARI KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN PENERUSI BAGI SUBSIDIARI-SUBSIDIARI YANG AKTIF;
- II. MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT BAGI ANGGOTA LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SERTA ANGGOTA-ANGGOTA YANG DILANTIK SEBAGAI LEMBAGA PENGARAH BAGI SUBSIDIARI-SUBSIDIARI KOPERASI SHAMELIN BERHAD; DAN
- III. MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT BAGI PENERUSI JAWATANKUASA KECIL, ANGGOTA LEMBAGA DAN PERWAKILAN YANG DILANTIK MENGANGGOTAI JAWATANKUASA KECIL-JAWATANKUASA KECIL

10.1 **Bendahari KSB** membentangkan cadangan mengekalkan kadar elaun-elaun di atas sepertimana yang telah diluluskan di MAPT Ke-35 pada 30 Jun 2019 yang lalu.

10.2 **Perwakilan Selangor B, Encik Ahmad Shahidan bin Haji Said** memberikan pandangan agar elaun anggota Lembaga dikurangkan sebanyak 70% memandangkan keadaan ekonomi yang tidak menentu dan beliau berpandangan KSB perlu mengambil langkah berjimat-cermat.

10.3 **Bendahari KSB** mengambil maklum ke atas pandangan yang dikemukakan oleh **Perwakilan Selangor B** itu untuk dibawa ke MAPT yang akan datang untuk dibincangkan.

- 10.4 **Perwakilan Kedah B, Haji Osman bin Toroh** mencadangkan Agenda yang dibentangkan ini diterima dan diluluskan.

Perwakilan Perlis, Haji Abdul Rahim bin Hashim menyokong ke atas cadangan tersebut.

AGENDA 11 : MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) FIRMA AUDIT UNTUK DIPILIH SALAH SATU DARIPADANYA BAGI MENGAUDIT AKAUN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

- 11.1 **Bendahari KSB** membentangkan empat (4) firma audit untuk dipilih salah satu daripadanya bagi mengaudit akaun KSB dan subsidiari-subsidiarinya seperti dalam pautan muat turun Maklumat Agenda 4, 6, 10 hingga 13 di muka surat 3.

- 11.2 **Perwakilan Pulau Pinang B, Encik Ahmad Roslan bin Hashim** menyarankan supaya pemilihan firma audit bagi mengaudit akaun KSB dan subsidiari-subsidiarinya diserahkan kepada kebijaksanaan Lembaga.

Perwakilan Perlis, Haji Abdul Rahim bin Hashim menyokong ke atas cadangan tersebut.

AGENDA 12 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIYAI OLEH WANG BERLEBIHAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

- 12.1 **Bendahari KSB** membentangkan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan KSB dan subsidiari-subsidiarinya berjumlah RM20 juta seperti dalam pautan muat turun Maklumat Agenda 4, 6, 10 hingga 13 di muka surat 4.

- 12.2 **Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar** mencadangkan supaya Agenda 12 yang dibentangkan diterima dan diluluskan.

Perwakilan Kedah A, Haji Abidin bin Akil menyokong ke atas cadangan tersebut.

AGENDA 13 : MENETAPKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

- 13.1 **Bendahari KSB** membentangkan had maksimum keterhutangan KSB dan subsidiari-subsidiarinya berjumlah RM230 juta seperti dibentangkan melalui pautan muat turun Maklumat Agenda 4, 6, 10 hingga 13 di muka surat 5.

- 13.2 **Perwakilan Selangor B, Haji Izhar bin Abd Kahar** ingin mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan permohonan dan kelulusan pembiayaan yang telah diperolehi.

- Beliau juga memohon agar KSB dapat memperincikan had maksimum keterhutangan.

13.3 **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Puan Rohana binti Abdul Kahar** ingin mendapatkan penjelasan projek-projek dalam perancangan KSB yang memerlukan peruntukan keterhutangan sebagaimana dibentangkan.

13.4 **Bendahari KSB** menjelaskan permohonan dan kelulusan pembiayaan yang menggunakan peruntukan had keterhutangan yang telah diluluskan di MAPT Ke-35 bagi perniagaan Skim Kemudahan Kredit adalah seperti berikut:-

(i)	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	-	RM10.00 Juta
(ii)	Co-opbank Pertama Malaysia Berhad	-	RM10.00 Juta

13.4.1 **Bendahari KSB** selanjutnya menjelaskan dengan terperinci peruntukan had keterhutangan KSB adalah seperti berikut:-

	Butiran	Juta (RM)
1.	Kemudahan berjangka dari Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	30.00
2.	Cadangan kemudahan berjangka dari institusi-institusi kewangan	182.00
3.	Pembelian Hartanah Pembiayaan dari Tabung Modal Pusingan SKM	5.00
4.	Modal Kerja Kemudahan berjangka dari Public Islamic Bank Berhad	5.50
5.	Lain-lain Pemiutang Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-subsidiari	7.50
	Jumlah	230.00

13.4.2 **Bendahari KSB** juga memaklumkan bahawa peruntukan had keterhutangan yang dibentangkan itu adalah bagi membolehkan KSB bersedia melaksanakan sebarang projek yang memerlukan pembiayaan daripada institusi-institusi kewangan.

13.5 **Perwakilan Kedah A, Puan Embun binti Baharom** mencadangkan supaya Agenda 13 yang dibentangkan diterima dan diluluskan.

Perwakilan Perak A, Haji Abdul Aziz bin Haji Osman menyokong ke atas cadangan tersebut.

AGENDA 14 : MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN USUL-USUL BERTULIS ATAU URUSAN LAIN YANG SATU NOTIS TIDAK KURANG DARI TUJUH (7) HARI TELAH DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA TERMASUK PERKARA-PERKARA YANG MANA ANGGOTA TERKILAN DENGAN KEPUTUSAN LEMBAGA

14.1 **Setiausaha KSB** membentangkan keputusan Anggota Lembaga dalam pandangan jawatankuasa kawasan bagi tahun 2020 dan laporan tindakan usul-usul kawasan bagi tahun 2019 melalui pautan muat turun Agenda 14 dari muka surat 1 hingga 26 untuk didengar, ditimbang dan diputuskan.

- 14.2 **Perwakilan Kelantan B, Haji Ab Hamid bin Taib** ingin mendapatkan maklumat lanjut ke atas cadangan beliau berkenaan kesesuaian menjalankan ternakan madu kelulut.

Bendahari KSB, menjelaskan usul tersebut boleh diberi pertimbangan sekiranya KSB mempunyai peruntukan dan projek tersebut berdaya maju serta boleh memberi keuntungan kepada KSB. Beliau berharap perwakilan yang mengusulkan projek ini dapat mengemukakan kertas kerja untuk penelitian dan pertimbangan Lembaga selanjutnya.

- 14.3 **Perwakilan Kelantan B, Haji Ab Hamid bin Taib mencadangkan** Agenda 14 yang dibentangkan diterima dan diluluskan.

Perwakilan Wilayah Persekutuan, Puan Rohana binti Abdul Kahar menyokong ke atas cadangan tersebut.

AGENDA 15 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN ATURAN-ATURAN, JIKA ADA

- 15.1 **Setiausaha KSB** membentangkan dua (2) usul Lembaga ke atas pindaan UuK & aturan-aturan seperti dalam pautan muat turun Usul Lembaga untuk didengar, ditimbang dan diluluskan.

i) Usul pertama

Cadangan Pindaan ke atas Aturan-aturan Tabung Pendidikan Koperasi Shamelin Berhad.

ii) Usul kedua

Cadangan Aturan-aturan Pengeluaran Sebahagian Wang Syer.

- 15.2 Pembentangan beliau ke atas kedua-dua usul ini adalah seperti berikut:

ii) Usul pertama – Cadangan Pindaan ke atas Aturan-aturan Tabung Pendidikan Koperasi Shamelin Berhad

PINDAAN

4. JENIS-JENIS

- (1) Hadiah cemerlang akademik dalam peperiksaan :

- (i) Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3);
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
- (iii) Sijil Menengah Agama (SMA);
- (iv) Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM);
- (v) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM);
- (vi) Matrikulasi;
- (vii) Program Asasi; dan
- (viii) A-Level**

5. JUMLAH PEMBERIAN

Hadiah Cemerlang Akademik	:	PT3	RM	100.00
		SPM dan SMA	RM	100.00
		STPM dan STAM	RM	300.00
		MATRIKULASI	RM	300.00
		Program Asasi	RM	300.00
		A-Level	RM	300.00

6. KELAYAKAN

- (1) PT3 : Sekurang-kurangnya mendapat pangkat A dalam mana-mana lima (5) mata pelajaran.
- (2) SPM dan SMA : Sekurang-kurangnya mendapat pangkat A atau Mumtaz dalam mana-mana enam (6) mata pelajaran.
- (3) STPM dan STAM : Mendapat sekurang-kurangnya Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.0 dan ke atas atau Mumtaz dalam mana-mana tujuh (7) mata pelajaran.
- (4) Matrikulasi : Mendapat PNGK 3.0 dan ke atas.
- (5) Program Asasi : Mendapat PNGK 3.0 dan ke atas.
- (6) **A-Level** : **Lulus sekurang-kurangnya A atau B dalam 3 subjek.**

7. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- (1) Semua permohonan hendaklah dibuat melalui surat yang dimajukan kepada Jawatankuasa Pentadbiran dan Keanggotaan yang disertakan bersama surat pengesahan dan sokongan daripada Pengerusi Jawatankuasa Kawasan.
- (2)
 - (i) Tarikh tutup permohonan bagi Hadiah Cemerlang Akademik dalam peperiksaan PT3, SPM, SMA, STPM dan STAM dikira dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh keputusan itu diumumkan atau dikeluarkan.
 - (ii) Tarikh tutup permohonan bagi Hadiah Cemerlang Akademik dalam peperiksaan Matrikulasi, Program Asasi dan **A-Level** dikira dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh keputusan itu diterima.
- (3) Sekiranya ibu dan bapa menjadi anggota dan anak layak mendapatkan Hadiah Cemerlang Akademik, Sumbangan Insentif Pelajaran dan Anugerah Istimewa, hanya salah seorang dari anggota berkenaan sahaja dibenarkan untuk membuat permohonan tersebut.

- (4) Sekiranya ibu, bapa dan anak menjadi anggota dan layak mendapatkan Hadiah Cemerlang Akademik, Sumbangan Insentif Pelajaran dan Anugerah Istimewa, kesemua mereka adalah dibenarkan untuk membuat permohonan tersebut.

ii) **Usul kedua – Cadangan Aturan-aturan Pengeluaran Sebahagian Wang Syer**

1. **NAMA**

- (1) Aturan-aturan ini adalah dinamakan Aturan-aturan Pengeluaran Sebahagian Wang Syer Koperasi Shamelin Berhad.
- (2) Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 46(2)(x) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Koperasi ini.

2. **TAFSIRAN**

Dalam Aturan-aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain :

- (a) 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari masa ke semasa;
- (b) 'Anggota' termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;
- (c) 'Penebusan Syer' ertinya anggota boleh mengeluarkan sebahagian syernya yang dilanggan dalam Koperasi ini.
- (d) 'Aturan' maknanya aturan-aturan Pengeluaran Sebahagian Wang Syer Koperasi Shamelin Berhad;
- (e) 'Koperasi' maknanya Koperasi Shamelin Berhad;
- (f) 'Lembaga' maknanya Lembaga Koperasi Shamelin Berhad;
